

### Sidang Redaksi



**Penasihat**  
En. Noor Hidayat Adnan

**Editor**  
En. Jamalludin Sulaiman

**Pengurus Produksi**  
Pn. Nor Azwani Mohamad

**Wartawan**  
En. Nik Lokman Nik Ismail  
Pn. Nor Azwani Mohamad  
En. Mohd Hazrul Mohd Hussin  
Pn. Aznur Umiza Binti Abu Kassim

**Grafik**  
Cik Ain Nur Munirah Abdullah  
En. Zawawi Husin

**Foto**  
Pn. Rostinah Mujir

**Edaran**  
Pn. Munirah Mohamad Izzan

**Idea, Konsep dan Terbitan**  
Unit Penerbitan, Bahagian Kompetensi dan Korporat, PTAR

## TAKLIMAT PENILAIAN

### Penawaran Kenaikan Pangkat Secara Fleksi Jawatan S41



Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan penawaran kenaikan pangkat secara fleksi jawatan S41 ke S44 melalui surat kelulusan perjawatan (SKP). Pihak pengurusan PTAR melalui

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif PTAR telah menetapkan beberapa syarat umum dan beberapa syarat lain selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 bertarikh 1 Januari 2012 Perkara 39.

Pihak Pengurusan PTAR juga telah menetapkan Pustakawan-pustakawan yang terlibat membuat pembentangan mengikut ketetapan yang dibuat. Sehubungan dengan itu satu Majlis Taklimat mengenai penawaran kenaikan pangkat secara fleksi tersebut telah diadakan pada 2hb Mac 2015 di Bilik Seminar PTAR. Ketua pustakawan dalam taklimatnya selain menyentuh mengenai perkara tersebut juga memberikan tekanan kepada peranan sebagai Pustakawan Kanan (Gred S44), mengubah perspektif diri dan juga etika kerja.



Taklimat disambung seterusnya oleh Encik Jamalludin Hj. Sulaiman (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PKP) mengenai pelaksanaan tawaran kenaikan pangkat secara fleksi tersebut dan tatacara perjalanan sesi pembentangan oleh Pustakawan-pustakawan yang terlibat.

Sesi pembentangan diadakan pada 3-4 Mac 2015 bertempat di Auditorium Perpustakaan Pengurusan dan Perniagaan (PPER). Seramai 78 orang Pustakawan yang dibahagikan kepada 14 kumpulan membuat pembentangan mengikut topik-topik semasa kepustakawan. Sesi pembentangan ini dipengerusikan oleh panel-panel yang terdiri daripada Encik Jamalludin Hj Sulaiman, Encik Mohamad Hamidi Mohd Jais dan Puan Junaida Kamarudin.



# Audit Dalaman Bil. 1 - 2015

Perpustakaan UiTM (PUiTM) telah melaksanakan Audit Dalaman Bil. 1/2015 (Sesi 1) pada 20 & 23 Mac 2015 di PTAR Utama, Perpustakaan Pengurusan Perniagaan (PPER), Perpustakaan Puncak Alam (PPA) dan Puncak Perdana (PPP). Kemudian, pada 21 April 2015 (Sesi 2), Audit Dalaman turut dilaksanakan di Perpustakaan Undang-Undang (PUU), Perpustakaan Kejuruteraan (PKEJ), Perpustakaan Sains & Teknologi (PST) dan Perpustakaan Alam Bina (PAB).

Tujuan audit dalam dijalankan adalah untuk menentukan sama ada perpustakaan tersebut mematuhi keperluan piawaian seperti yang telah ditetapkan di dalam ISO 9001:2008. Ketua Sistem Audit telah mengumpul dan membentangkan semua penemuan audit di dalam Mesyuarat Penutup Audit Dalaman dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan. Ketidakpatuhan hasil teguran audit akan diambil tindakan pembetulan oleh perpustakaan yang berkenaan.



pada 14 - 15 mac 2015 yang lalu. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan menyalurkan maklumat terkini mengenai program-program yang ditawarkan kepada orang ramai terutamanya calon-calon lepasan SPM, STPM dan Matrikulasi dalam membuat pilihan yang tepat dan sesuai berdasarkan keputusan yang diperolehi. Ekspos Selangkah ke UiTM juga memberi ruang kepada bakal calon bagi mengetahui secara keseluruhan program pilihan mereka dengan lebih teliti kerana sepanjang ekspos berlangsung, pensyarah dan staf yang terlibat akan memberi penerangan tentang program-program pilihan calon. Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) turut menyertai ekspos ini dengan pembukaan Booth D7 selama dua hari program tersebut dilaksanakan.



Kepustakawan sebagai satu kerjaya Profesional yang semakin mendapat tempat dalam pasaran kerjaya pada masa kini.

# Pameran Transformasi PTAR

## SEMPENA PROGRAM TRANSFORMASI UITM & PERUTUSAN PENTADBIRAN TAHUN 2015



Pada 19 Mac yang lalu, Program Transformasi UiTM Dan Perutusan Pentadbiran Tahun 2015 telah diadakan di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC). Program ini dimulakan dengan penyampaian Taklimat Transformasi oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, FASc, Naib Canselor UiTM, dan diteruskan dengan Perutusan

Pendaftar oleh Puan Azida Azmi Pendaftar UiTM, dan Perutusan Bendahari oleh Tuan Haji Sanip Wahid Bendahari UiTM. Selesai dengan ucapan perutusan, program diteruskan lagi dengan Forum Transformasi yang dikendalikan oleh Dr. Aniah Baharom, Ketua Timbalan Pendaftar, JPSM selaku moderator, dan 7 ahli panel termasuk Puan Faridah Talib, Ketua Timbalan Pustakawan mewakili PTAR.

Selain itu, bersempena dengan program ini, semua pejabat pentadbiran UiTM telah diundang untuk mengadakan pameran yang berlangsung bermula 18 sehingga 20 Mac 2015. PTAR telah mengambil bahagian dalam aktiviti pameran ini untuk tujuan memberi pendedahan mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di PTAR kepada umum. Pameran ini merupakan satu inisiatif bagi menghargai pembangunan serta transformasi perkembangan ilmu warga PTAR. Dengan adanya pameran seperti ini, para pengunjung yang terdiri dari segenap lapisan warga UiTM dapat menghargai ilmu dan maklumat yang telah disediakan oleh PTAR seiring dengan misi utama UiTM iaitu untuk menjadi sebuah Universiti bertaraf dunia ke arah kecemerlangan akademik yang berterusan.

## Booth PTAR di Ekspos Selangkah Ke UiTM 2015

Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Ekspos Selangkah ke UiTM bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC)

Booth PTAR memberi penerangan dan informasi kepada pengunjung berkenaan tentang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan sebagai gedung Ilmu yang menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti. Selain itu, PTAR juga akan memperkenalkan bidang



## Lawatan Penandaarasan Delegasi

### PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Mengukuhkan lagi jalinan kerjasama dengan PTAR



# KENALI & KUNJUNGI PERPUSTAKAAN

Bahagian Pengurusan Pelanggan telah menganjurkan aktiviti 'Kenali & Kunjungi Perpustakaan' pada 16 - 20 Mac 2015 bertempat di ruang TV dan Shelf Check Machine, Aras 2 PTAR Utama. Aktiviti tersebut meliputi semakan akaun perpustakaan, kemaskini maklumat keahlian serta menyampaikan maklumat berkaitan kemudahan-kemudahan yang boleh di dapat di perpustakaan

**26 Mac, Shah Alam** - Satu delegasi yang terdiri daripada 30 orang warga kerja Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan lawatan Penandaarasan ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) baru-baru ini.

Lawatan penanda arasan ini yang diketuai oleh Puan Hamidah Erman, Timbalan Ketua Pustakawan



berserta keseluruhan wargakerja daripada unit Perolehan, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM adalah bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman terutamanya mengenai operasi dan proses kerja bahagian sumber cetak bercetak yang dipraktik dan dilaksanakan di PTAR.

Rombongan pelawat daripada UKM ini juga turut membawa bersama-sama mereka beberapa orang pegawai daripada pelbagai Perpustakaan Undang-Undang, Perpustakaan Dr Abdul Latiff, Perpustakaan Pusat Perubatan UKM, Unit Jurnal dan Jilidan, Unit Katalog dan Unit Pentadbiran dan Kualiti.

Dalam sesi lawatan tersebut, para delegasi telah disambut dan diraikan oleh pegawai-pegawai PTAR sebelum diberikan penerangan penuh oleh Timbalan Ketua Pustakawan yang juga

merupakan ketua Bahagian Pembangunan Sumber Bercetak PTAR, Puan Noormala Maarof mengenai peranan, fungsi, aktiviti dan operasi yang dilaksanakan oleh Bahagian Sumber Bercetak di PTAR. Turut menyampaikan penerangan kepada rombongan tersebut adalah beberapa orang pegawai daripada unit-unit tertentu seperti Unit Pembangunan Monografi dan Media, Unit Hadiah dan Penerimaan Tetap dan Unit Katalog dan Kelas turut menyampaikan maklumat kepada wargakerja perpustakaan UKM tersebut. Seterusnya rombongan kerja ini dibawa pula melihat keseluruhan kawasan di PTAR agar dapat memberikan gambaran sepenuhnya tentang pengurusan, bahagian dan jabatan yang terdapat di PTAR.

→ Lawatan Penanda Arasan 23/03/2015  
PTAR ke UPSI

→ Bengkel Penulisan Kertas 24-26/03/2015  
Cadangan Penyelidikan PTAR 2015

→ Audit Dalaman PTAR 2015 26/03/2015

→ Lawatan oleh Perpustakaan 26/03/2015  
Tun Seri Lanang ke PTAR

→ Lawatan oleh Pertubuhan 27/03/2015  
Kebajikan Anak yatim ke PTAR

→ Tazkirah Bulan Mac 27/03/2015  
"Ajaran Sesat"

## DIARI PTAR Mac 2015

- Pembentangan Penilaian 03-04/03/2015  
Fleksi Pustakawan Gred S41
- Taklimat Penyediaan Data 06/03/2015  
Bibliometrik + PRISMa
- Ekspos Selangkah ke UiTM 14-15/03/2015
- Kenali & Kunjungi 16-20/03/2015  
Perpustakaan
- PTAR di Forum Transformasi 19/03/2015  
Majlis Perutusan Pentadbiran UiTM